# KENYATAAN MEDIA

## MIHAS@Dubai: Melonjakkan Ekosistem Halal Malaysia

MIHAS@Dubai yang julung kali diadakan dari 18 hingga 20 November 2024 menterjemahkan pencapaian penting bagi industri halal Malaysia, dengan **mencatat kejayaan luar biasa melalui nilai jualan export bernilai RM500 juta pada hari pertama, dengan sasaran RM1.2 bilion sebagai nilai keseluruhan.** Pameran bersejarah ini, yang pertama kali diadakan di luar Malaysia, menunjukkan kesungguhan negara untuk mengantarabangsakan industri halal dan memperkukuhkan kedudukannya sebagai peneraju global dalam ekonomi halal yang semakin berkembang pesat.

MIHAS@Dubai telah meningkatkan ekosistem halal Malaysia dengan menyediakan platform untuk **215 syarikat Malaysia** menonjolkan kecemerlangan dan kepelbagaian produk serta perkhidmatan halal buat semua pemain industri yang terlibat. Expo ini membuka lembaran baharu bagi perniagaan Malaysia untuk menembusi pasaran Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) yang kini mencecah lebih **490 juta pengguna**, seterusnya memupuk kerjasama yang bermakna dan mendorong pertumbuhan jangka panjang.

Expo ini turut mencerminkan kepentingan **Diplomasi Halal** - yang terus memposisikan Malaysia sebagai rakan dagang yang bermakna dalam pasaran halal antarabangsa. Selain aspek perdagangan, MIHAS@Dubai telah mengukuhkan reputasi Malaysia sebagai penyedia produk halal berkualiti tinggi, sekaligus menjadi pemangkin bagi kerjasama masa depan dan pembangunan ekonomi yang lebih besar.

Tambahan itu, hubungan perdagangan Malaysia dengan negara-negara **Gulf Cooperation Council (GCC)** kekal kukuh - mencerminkan kerjasama ekonomi yang semakin berkembang antara kedua-dua rantau. Dalam tempoh 10 bulan pertama tahun 2024 sahaja, jumlah perdagangan Malaysia dengan negara GCC berkembang sebanyak **1.8% kepada RM87.30 bilion**, berbanding tempoh yang sama pada 2023. Eksport meningkat sebanyak **7.1% kepada RM21.77 bilion**, didorong oleh permintaan yang kukuh terhadap produk petroleum, logam, barang

kemas, sementara import meningkat sebanyak **0.2% kepada RM65.53 bilion**.

Di antara negara-negara GCC, **Emiriah Arab Bersatu (UAE)** memainkan peranan penting - menyumbang **42.1%** kepada jumlah perdagangan Malaysia dengan GCC. Dari Januari hingga Oktober 2024, perdagangan dengan UAE meningkat dengan ketara sebanyak **12.8% kepada RM36.73 bilion**.

UAE juga kekal sebagai destinasi eksport terbesar Malaysia di GCC, menyumbang **55.3% atau RM12.03 bilion** kepada jumlah eksport, didorong oleh permintaan tinggi terhadap **barang kemas, produk petroleum, makanan diproses, serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak.** Import Malaysia dari UAE juga mencatatkan pertumbuhan kukuh, meningkat sebanyak **17.5% kepada RM24.70 bilion**, dengan import utama termasuk **logam, barang kemas, dan bahan kimia**.

Pencapaian ini membuktikan peranan penting UAE sebagai rakan dagang strategik bagi Malaysia dan menyerlahkan kepentingan penganjuran MIHAS@Dubai sebagai pemangkin untuk memperkukuhkan hubungan dua hala dan memupuk pertumbuhan bersama. Kedudukan Dubai sebagai hab perdagangan global pastinya memberikan ekosistem perniagaan Malaysia akses ke pasaran GCC dan MENA yang lebih luas.

Saya telah menghadiri Sesi Pertukaran MoU Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui inisiatif Gate to Global MARA yang mencatatkan pencapaian penting dengan nilai keseluruhan MoU sebanyak **RM16.2 juta**. Pencapaian ini membuktikan potensi besar untuk pertumbuhan ekonomi dan kerjasama antarabangsa dalam industri halal, khususnya dalam memperkasa keusahawanan di kawasan pedesaan.

Saya percaya kejayaan MIHAS@Dubai adalah bukti nyata komitmen teguh Malaysia untuk mewujudkan ekosistem halal global yang inklusif, inovatif, dan berdaya tahan. Expo ini bukan sahaja memperkukuhkan hubungan perdagangan antarabangsa tetapi juga membina asas kukuh bagi kerjasama strategik jangka panjang yang mampu mendukung pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Melangkah ke hadapan, saya yakin Malaysia, melalui usaha gigih agensi seperti MATRADE, akan terus memanfaatkan peluang seperti MIHAS untuk memperkukuhkan kedudukan negara dalam pasaran halal global. Ini termasuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mapan, membuka lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti, serta memacu kemakmuran yang seimbang dan menyeluruh untuk perniagaan, komuniti, dan generasi masa depan.

**AHMAD ZAHID HAMIDI**
Timbalan Perdana Menteri

*19 November 2024*